

Ruj. : AKKM: MAPA 2/5/19 Jld.3 (26)

Tarikh : 25 April 2025

## Pengerusi Koperasi-Koperasi Anggota ANGKASA

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Datuk / Dato' / Dr. / Tuan / Puan,

### **PEMBERITAHUAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-39 (MAPA 2025) DAN PEMBERITAHUAN PENCALONAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-39 (MAPA 2025)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-39 (MAPA 2025) akan diadakan seperti ketetapan berikut:

- Tarikh** : 5 Julai 2025 (Sabtu)  
**Masa** : 9:00 pagi  
**Tempat** : Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)  
Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur  
**Kaedah** : Secara Hibrid (fizikal atau dalam talian)  
Had maksimum kehadiran perwakilan secara fizikal : 3000 orang

3. Selaras dengan Undang-Undang Kecil ANGKASA [UUK 24 (1)] iaitu setiap koperasi anggota ANGKASA hendaklah menghantar **seorang perwakilan** koperasi ke Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-39 (MAPA 2025). Perwakilan dikehendaki menyatakan pilihan sama ada hadir secara fizikal atau dalam talian dengan mengisi **Borang A** seperti berikut :

- i. Borang A* - **Borang Penamaan Perwakilan Koperasi dan Pencalonan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA secara fizikal dan dihantar ke Pejabat ANGKASA Negeri.**

#### **ATAU**

- ii. Borang A* - **Borang Penamaan Perwakilan Koperasi dan Pencalonan (Melalui dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA secara dalam talian)** dengan melayari laman web ANGKASA iaitu [www.mesyuaratagung.angkasa.coop](http://www.mesyuaratagung.angkasa.coop).

4. Borang yang lengkap hendaklah dihantar kepada **Pejabat ANGKASA Negeri** mengikut **koperasi anggota ANGKASA yang didaftarkan selewat-lewatnya pada 20 Mei 2025 (Selasa) sebelum jam 5:00 petang**. Sila rujuk senarai pejabat ANGKASA Negeri di **lampiran 1**.

5. Berdasarkan Undang-Undang Kecil ANGKASA [UUK 33(1)] iaitu **sekurang-kurangnya satu pertiga daripada Anggota Lembaga ANGKASA di bawah perenggan (a), (b) dan (c) fasal (1) Undang-Undang Kecil 32** hendaklah mengosongkan jawatan pada setiap tahun di dalam **Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA**. Oleh itu, dua (2) orang penyandang Anggota Lembaga yang akan mengosongkan jawatannya pada Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-39 (MAPA 2025) adalah seperti berikut:



BIL.	JAWATAN	PENYANDANG
1.	Presiden	<b>Datuk Seri Dr. Abdul Fattah bin Abdullah,</b> SMW., DIMP., SMP., AMP., PPN. Koperasi Kariah Masjid Kampung Lubuk Kulit Lipis Berhad (PC0638)
2.	Timbalan Presiden	<b>Dr. Hj. Mohd Azlan bin Yahya, PJC.</b> Gabungan Koperasi Siswa Malaysia Berhad (KH0365)

6. Calon yang menawarkan diri bertanding bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden ANGKASA dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-39 (MAPA 2025) hendaklah memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk menjadi Anggota Lembaga sepertimana yang dinyatakan dalam UUK 27(1) seperti di **lampiran 2** dan mengisi semua borang dengan lengkap sama ada secara fizikal atau dalam talian di pautan <https://mesyuaratagung.angkasa.coop>:

- i. Borang A* - **Borang Penamaan Perwakilan Koperasi dan Pencalonan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA;**
- ii. Borang B* - **Borang Biodata Calon;**
- iii. Borang C* - **Borang Permohonan Semakan Laporan Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA dan Experian (SPeKAR) dan Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit Individu;**
- iv. Borang D* - **Borang Sistem Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan**
- v. Borang GP3* - **Borang Garis Panduan Penentusahan Memenuhi Kriteria Layak dan Sesuai Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Sebagai Anggota Lembaga Koperasi**

Semua Borang A, B, C, D dan GP3 boleh dimuat turun di laman web ANGKASA iaitu [www.mesyuaratagung.angkasa.coop](http://www.mesyuaratagung.angkasa.coop). Borang tersebut hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada 20 Mei 2025 (Selasa).

7. Bagi tujuan Hari Penamaan Calon (HPC), calon yang menawarkan diri bertanding sebagai Anggota Lembaga ANGKASA hendaklah **hadir sendiri** bersama-sama dengan pencadang dari koperasi yang diwakilinya serta seorang penyokong daripada satu buah koperasi anggota yang lain pada Hari Penamaan Calon MAPA seperti berikut:

**Tarikh** : 26 Mei 2025 (Isnin)  
**Masa** : Bermula 9:00 pagi sehingga 3:00 petang  
**Tempat** : Dewan Dato' Mohd Ali Baharum,  
Ibu Pejabat ANGKASA, Wisma Ungku A.Aziz, Jalan SS 6/1,  
Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor

8. Bagi calon yang menawarkan diri sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPA hendaklah mengisi **Borang A - Borang Penamaan Perwakilan Koperasi dan Pencalonan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA** dan calon tersebut **tidak perlu hadir** pada Hari Penamaan Calon.

9. Bagi tujuan cadangan usul MAPA pihak koperasi bolehlah mengisi **Borang E - Borang Cadangan Usul Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA** (jika ada) untuk dihantar bersama dengan Borang Penamaan Perwakilan Koperasi dan Pencalonan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA.

10. Sehubungan dengan ini disertakan maklumat berikut untuk rujukan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri/ Datuk / Dato' / Dr. / Tuan / Puan seperti berikut:

- i. Imbasan Kod QR Pendaftaran Perwakilan dan Pencalonan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA Ke-39 (MAPA 2025). Sila rujuk di ***lampiran 3***.
- ii. Imbasan Kod QR Pindaan Undang-Undang Kecil (UUK) ANGKASA. Sila rujuk di ***lampiran 4***.

11. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi Pejabat ANGKASA Negeri atau Ibu Pejabat ANGKASA, En. Mohd. Hishamizan Yahya (03-7454 8255) / En. Azman Ahamad (03-7884 6453) di Bahagian Sekretariat dan Pengurusan Aset, Kumpulan Tadbir Urus dan Pentadbiran atau emel: [mesyuaratagung.angkasa@gmail.com](mailto:mesyuaratagung.angkasa@gmail.com).

Kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Datuk / Dato' / Dr. / Tuan / Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

**“SADIK, AMANAH, TELUS”**

Yang benar,



**HAJI HASNAN HAJI MUSTAPHA**  
Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan

s.k. : Pengarah Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



**SENARAI PEJABAT ANGKASA NEGERI**

**1. ANGKASA Negeri Johor**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Johor  
No. 14-01, Jalan Tun Abdul Razak  
Susur 6, Taman Suria Muafakat  
80200 Johor Bahru, Johor  
No. Tel. : 07-238 4457  
E-Mel : jpn\_johor@angkasa.coop

**2. ANGKASA Negeri Kedah**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Kedah  
No. 1571, Tingkat 3  
Jalan Kota  
05000 Alor Setar, Kedah  
No. Tel. : 04-730 0378  
E-Mel : jpn\_kedah@angkasa.coop /  
kedah.angkasa@gmail.com

**3. ANGKASA Negeri Kelantan**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Kelantan  
Lot 321, Tingkat 1, Seksyen 12  
Jalan Tok Guru  
15400 Kota Bharu, Kelantan  
No. Tel. : 09-747 5472 / 011-5773 6071  
E-Mel : man.angkasakelantan@gmail.com

**4. ANGKASA Negeri Melaka**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Melaka  
No. 48-1, Jalan KF 4  
Kota Fesyen, Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh, Melaka  
No. Tel. : 06-234 4682 / 011-6932 7701  
E-Mel : jpn\_melaka@angkasa.coop /  
jpnmelaka.angkasa@gmail.com

**5. ANGKASA Negeri Sembilan**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Sembilan  
No. 21, Tingkat 1, Jalan PPP3  
Pusat Perdagangan Paroi  
70400 Seremban, Negeri Sembilan  
No. Tel. : 06-761 3247 / 012-330 1383  
E-Mel : jpn\_nsembilan@angkasa.coop

**6. ANGKASA Negeri Pahang Timur**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Pahang Timur  
B-268, Tingkat 1  
Jalan Darat Makbar  
25000 Kuantan, Pahang  
No. Tel. : 09-513 0246 / 09-513 7586 / 016-586 5415  
E-Mel : jpn\_pahang1@angkasa.coop /  
angkasapahangzon1.angkasa@gmail.com

**7. ANGKASA Negeri Pahang Tengah**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Pahang Tengah  
No. 2, Tingkat 1, Jalan Pak Sako 2  
Bandar Seri Semantan  
28000 Temerloh, Pahang  
No. Tel. : 09-296 5524 / 09-296 5525 / 014-649 4385  
E-Mel : jpn\_pahang2@angkasa.coop

**8. ANGKASA Negeri Pahang Barat**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Pahang Barat  
P20, Tingkat 1, Bangunan ANGKASA  
Taman Bentong Prima  
28700 Bentong, Pahang  
No. Tel. : 09-223 4062 / 09-223 5062 / 013-509 7039  
E-Mel : jpn\_pahang3@angkasa.coop

**9. ANGKASA Negeri Perak**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Perak  
No. 24A & 26A, Jalan Meru Bestari B2  
Medan Meru Bestari (Zon 5)  
Bandar Meru Raya  
30020 Ipoh, Perak  
No. Tel. : 05-527 5589  
E-Mel : mesyuaratagungnegeriperak@gmail.com

**10. ANGKASA Negeri Perlis**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Perlis  
No. 17 & 19, Jalan Satu  
Taman Pertiwi Indah  
Jalan Kangar-Alor Setar  
01000 Kangar, Perlis  
No. Tel. : 04-979 9004 / 010-550 1985  
E-Mel : jpn\_perlis@angkasa.coop



---

### **SENARAI PEJABAT ANGKASA NEGERI**

#### **11. ANGKASA Negeri Pulau Pinang**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Pulau Pinang  
No. 29-1 & 31-1 Jalan Dagangan 11  
Pusat Bandar Bertam Perdana  
13200 Kepala Batas  
Seberang Perai Utara, Pulau Pinang  
No. Tel. : 04-575 2931 / 011-5501 1859  
E-Mel : jpn\_ppinang@angkasa.coop /  
angkaspulaupinang@yahoo.com

#### **12. ANGKASA Negeri Sabah**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Sabah  
Lot 13, Lorong Grace Square 1  
Jalan Pantai Sembulan  
88100 Kota Kinabalu, Sabah  
No. Tel. : 088-250 277  
E-Mel : jpn\_sabah@angkasa.coop

---

#### **13. ANGKASA Negeri Sarawak**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Sarawak  
Tingkat 2, Bangunan ANGKASA  
Seksyen 65, KTLD, Jalan Matang  
93050 Kuching, Sarawak  
No. Tel. : 082-506 704 / 082-536 092  
E-Mel : jpn\_sarawak@angkasa.coop

#### **14. ANGKASA Negeri Selangor**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Selangor  
No.C-105, Blok C, Glomac Business Centre  
Jalan SS 6/1, Kelana Jaya  
47301 Petaling Jaya, Selangor  
No. Tel. : 03-7880 7270  
E-Mel : manselangor23@gmail.com

---

#### **15. ANGKASA Negeri Terengganu**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Terengganu  
1A, Tingkat 1, Wisma KOKITAB Kuala Nerus  
Jalan Semarak  
21300 Kuala Nerus, Terengganu  
No. Tel. : 09-666 8085 / 09-666 8062 / 019-225 8085  
E-Mel : jpn\_terengganu@angkasa.coop /  
angkasatrg@gmail.com

#### **16. ANGKASA Negeri Wilayah Persekutuan**

Alamat : Pejabat ANGKASA Negeri Wilayah  
Persekutuan  
No. 16, Jalan Lumut, Off Jalan Ipoh  
50400 Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur  
No. Tel. : 03-4043 1995 / 011-10704995  
E-Mel : mesyuaratagungwp.angkasa@gmail.com

---

**A. KELAYAKAN UNTUK MENJADI PERWAKILAN**

1. Koperasi Anggota yang layak menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA menurut UUK 23 seperti berikut;

Hanya koperasi anggota yang telah menjelaskan bayaran menurut Undang-undang Kecil 13 berhak menerima notis untuk menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tertakluk kepada Aturan yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA dan koperasi anggota itu mempunyai satu undi sebagaimana menurut seksyen 30 Akta.

2. Orang yang layak menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA menurut UUK 24 (1) seperti berikut;

Setiap koperasi anggota berhak menghantar Perwakilan Koperasinya untuk menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tertakluk kepada syarat berikut:

- (a) Tertakluk kepada Undang-undang Kecil ini, prinsip yang terpakai ialah “satu koperasi satu perwakilan” dan “satu individu satu koperasi”;
- (b) Seseorang anggota koperasi anggota yang dipilih sebagai Perwakilan Koperasi hanya boleh menjadi Perwakilan Koperasi bagi koperasi anggota itu sahaja;
- (c) Hanya Perwakilan Koperasi yang mematuhi kelayakan yang berikut layak menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA:
- i. Perwakilan Koperasi itu hendaklah dari kalangan anggota Lembaga koperasi anggota;
  - ii. Perwakilan Koperasi itu hendaklah dilantik dalam mesyuarat anggota Lembaga koperasi anggota itu; dan
  - iii. Perwakilan Koperasi tidak mempunyai apa-apa sekatan kelayakan untuk menyertai Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA tertakluk kepada Undang-undang Kecil 23.
3. Berdasarkan Undang-Undang Kecil ANGKASA (UUK 23) iaitu setiap koperasi anggota ANGKASA hendaklah menghantar seorang perwakilan koperasi dengan menyatakan pilihan sama ada hadir secara fizikal atau dalam talian dengan mengisi borang seperti berikut:
- i. **Borang A - Borang Penamaan Perwakilan Koperasi dan Pencalonan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA secara fizikal dan dihantar ke Pejabat ANGKASA Negeri.**
- ATAU**
- ii. **Borang A - Borang Penamaan Perwakilan Koperasi dan Pencalonan Mesyuarat (Melalui dalam talian) Agung Perwakilan ANGKASA secara dalam talian dengan melayari laman web ANGKASA iaitu [www.mesyuaratagung.angkasa.coop](http://www.mesyuaratagung.angkasa.coop)**

**B. KELAYAKAN UNTUK MENJADI ANGGOTA LEMBAGA**

Perwakilan yang layak menjadi Anggota Lembaga mengikut UUK 27 (1) adalah seperti berikut:

1. Dalam menentukan sama ada seorang perwakilan layak dan sesuai untuk dilantik sebagai anggota Lembaga ANGKASA, kriteria yang berikut hendaklah diambil kira:
- (a) Ketekunan, kewibawaan dan kewajaran keputusannya; dan



- 
- (b) Reputasi, perwatakan, integriti dan kejujurannya, dan dijalankan melalui proses penentusahan di peringkat koperasi yang diwakilinya.
2. Tiada seorang perwakilan pun layak menjadi Anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang Anggota Lembaga ANGKASA, jika dia –
- (a) Belum genap tempoh dua (2) tahun menjadi anggota koperasi diwakilinya bagi koperasi yang telah didaftarkan melebihi dua (2) tahun;
- (b) Telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta dan kesalahan boleh daftar seperti mana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta Pendaftaran Penjenayah Dan Orang Yang Tidak Diingini 1969, [Akta 7];
- (c) Telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
- (d) Menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi sesuatu koperasi;
- (e) Menerima apa-apa pelantikan bergaji tetap bagi sesuatu koperasi;
- (f) Menjadi tidak sempurna akal atau selainnya, menjadi tidak berupaya untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya; dan
- (g) Terhenti menjadi anggota kepada koperasi anggota yang diwakilinya.
3. Bagi mana-mana koperasi anggota yang kurang daripada lima puluh orang atau kurang dan bagi sesuatu koperasi sekolah adalah tidak tertakluk kepada perenggan (a) fasal (2).
4. Kriteria koperasi yang diwakili hendaklah mempunyai -
- (a) Prestasi kewangan yang kukuh dan impak signifikan kepada gerakan koperasi;
- (b) Kumpulan wang anggota yang positif;
- (c) Keuntungan terkumpul positif; dan
- (d) Kriteria lain ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) termasuklah tiada tunggakan Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi, Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi, tunggakan TMP-SKM serta mematuhi sepenuhnya perundangan koperasi dalam tempoh tiga (3) tahun terkini.

Pencalonan anggota Lembaga ANGKASA hendaklah dikemukakan untuk penentusahan Suruhanjaya di bawah subseksyen 43(2) Akta.

Pencalonan Anggota Lembaga ANGKASA hendaklah mendapat pertimbangan sewajarnya Jawatankuasa Kesahihan Wakil dan Calon sebelum dikemukakan untuk penentusahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di bawah subseksyen 43(2) Akta.

Calon yang ingin menawarkan diri bertanding bagi jawatan Anggota Lembaga ANGKASA dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA) hendaklah mengisi kesemua borang berikut dengan lengkap secara fizikal atau dalam talian di pautan <https://mesyuaratagung.angkasa.coop>.

- i. **Borang A** - **Borang Penamaan Perwakilan Koperasi dan Pencalonan Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA**
- ii. **Borang B** - **Borang Biodata Calon**



- iii. **Borang C** - **Borang Permohonan Semakan Laporan Sistem Pelaporan Kredit ANGKASA dan Experian (SPeKAR) dan Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit Individu**
- iv. **Borang D** - **Borang Sistem Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegah Rasuah (SPRM); dan**
- v. **Borang GP3** **Borang Garis Panduan Penentusahan Memenuhi Kriteria Layak dan Sesuai Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Sebagai Anggota Lembaga Koperasi (GP3)**

Semua Borang A, B, C, D dan GP3 boleh dimuat turun di laman web ANGKASA iaitu [www.mesyuaratagung.angkasa.coop](http://www.mesyuaratagung.angkasa.coop). Borang tersebut hendaklah dihantar selewat-lewatnya pada 20 Mei 2025 (Selasa).

- 5. Borang pencalonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat akan ditolak.
- 6. Calon yang menawarkan diri bertanding sebagai Anggota Lembaga ANGKASA hendaklah **hadir sendiri** bersama-sama dengan pencadang dari koperasi yang diwakilinya serta seorang penyokong daripada satu buah koperasi anggota yang lain pada Hari Penamaan Calon MAPA.

#### **C. PEMILIHAN JAWATANKUASA MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MAPA [UUK 22(1)(K)]**

Hanya enam (6) orang calon yang jumlah undiannya tertinggi yang akan dipilih sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit, manakala empat (4) orang daripada Lembaga ANGKASA akan dipilih dalam Mesyuarat Lembaga ANGKASA.

#### **D. KAEDAH PENGHANTARAN BORANG DAN TARIKH TUTUP**

##### **1. Perwakilan Koperasi :**

Borang yang lengkap diisi hendaklah dihantar kepada **Pejabat ANGKASA Negeri masing-masing mengikut koperasi anggota ANGKASA yang didaftarkan seperti di lampiran 3 selewat-lewatnya pada 20 Mei 2025 (Selasa) sebelum jam 5:00 petang.**

##### **2. Pencalonan Anggota Lembaga :**

Bagi pencalonan jawatan Anggota Lembaga ANGKASA borang diisi hendaklah dibawa semasa Hari Penamaan Calon (HPC) yang akan diadakan di Dewan Dato' Mohd Ali Baharum (A), Ibu Pejabat ANGKASA, Wisma Ungku A.Aziz, Jalan SS 6/1, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor pada **26 Mei 2025 (Isnin) bermula 9.00 pagi hingga 3.00 petang.** Borang Pencalonan yang diterima lewat daripada tarikh dan masa tersebut akan ditolak.

##### **3. Pencalonan Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPA :**

Bagi pencalonan Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPA, borang hendaklah diisi dengan lengkap dan dihantar kepada **Ketua Pegawai Pengurusan Kumpulan selewat-lewatnya 20 Mei 2025 (Selasa) sebelum jam 5.00 petang.**

---

**IMBASAN KOD QR  
PENDAFTARAN PERWAKILAN DAN PENCALONAN  
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA KE-39 (MAPA 2025)**



**ATAU**

**LAYARI LAMAN SESAWANG RASMI  
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA**

<https://mesyuaratagung.angkasa.coop>

---

**IMBASAN KOD QR  
PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL (UUK) ANGKASA**



**ATAU**

**LAYARI LAMAN SESAWANG RASMI  
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN ANGKASA**

<https://mesyuaratagung.angkasa.coop>